

## BERITA HARIAN

22 November 2010



**KHOO** pada sidang media pra-pelancaran pusat perubatan di Kuala Lumpur, minggu lalu.

# iHEAL sasar raih RM10 juta

**I**HEAL Medical Services Sdn Bhd (iHEAL), pusat perubatan moden milik Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) yang akan beroperasi di Mid Valley City, Kuala Lumpur, menyoar meraih pendapatan sebanyak RM10 juta menjelang akhir tahun depan.

Pengasas dan Pengarah Perubatannya, Dr David Khoo Sin Keat, berkata sasaran pendapatan bagi tahun pertama itu mampu diperoleh bersandarkan permintaan kukuh bagi

perkhidmatan perubatan.

Beliau juga yakin pendapatan kumpulan itu akan berkembang pada kadar 15 peratus pada tahun seterusnya.

Katanya, selain menjana pendapatan kepada LTAWNT yang memegang 60 peratus ekuiti, pusat perubatan itu juga ditubuhkan untuk mempromosikan pelancongan berasaskan kesihatan di negara ini.

“Dalam usaha menyahut seruan kerajaan mempromosikan pelancongan kesihatan, kami sasarkan kira-kira 70 peratus dari-

pada pesakit kami adalah dikalangan pelancong dari rantau ini

“Kami akan menyediakan pakej rawatan dan pelancongan istimewa yang mampu menepati kehendak golongan itu,” katanya pada sidang media pra-pelancaran pusat itu di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Majlis pembukaan Pusat Perubatan iHEAL yang bertempat di tingkat 7, blok Annexe, Mid Valley City itu akan disempurnakan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin, hari ini.